



## PEMERKASA

KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA



Merupakan kesinambungan daripada Insentif Pengambilan Pekerja & Program Latihan dari PenjanaKerjaya 2.0 untuk individu yang mengambil pekerjaan jangka pendek dalam tempoh mendapatkan pekerjaan sepenuh masa.



## Program KerjayaGig

### Insentif

**RM200** untuk penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO, termasuk organisasi, platform atau pertubuhan yang menyediakan penempatan bagi pekerjaan sementara atau gig bermula **17 Mac 2021**.

**RM600** bagi individu yang diambil bekerja sendiri/gig sehingga tempoh 6 bulan.

### Kelayakan

Individu yang **bekerja sendiri atau gig daripada kategori berikut** adalah berkelayakan di bawah program KerjayaGig:

- Pekerja yang berdaftar dengan PERKESO yang sedang menerima Cuti Tanpa Gaji.
- Pekerja yang berdaftar dengan PERKESO yang diberhentikan kerja.
- Pencari kerja dari golongan rentan (i.e. Pencari Kerja yang berdaftar di bawah e-Kasih).

### Langkah untuk memohon:

#### Penyedia Perkhidmatan Gig (Operator/Majikan)

- Langkah 01** Mengiklankan jawatan kosong di [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) (*Pastikan pemilihan jenis kontrak adalah di bawah Bekerja Sendiri.*)
- Langkah 02** Mengambil Orang Bekerja Sendiri (OBS) untuk bekerja.
- Langkah 03** Hantar permohonan KerjayaGig menerusi sistem PenjanaKerjaya [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my)
- Langkah 04** Kelulusan akan dimaklumkan menerusi e-mel kepada operator/majikan.
- Langkah 05** Operator/majikan terima pembayaran dalam masa 30 hari.

#### Syarat tambahan untuk Orang Bekerja Sendiri (OBS):



Menunjukkan pembuktian aktiviti pekerjaan 15 jam bekerja dalam seminggu bagi setiap bulan permohonan melalui Log Aktiviti Gig untuk menerima bayaran berikutnya.



Melaporkan kepada PERKESO sekiranya menerima tawaran pekerjaan sepenuh masa dalam tempoh 24 jam.

### Langkah untuk memohon:

#### Orang Bekerja Sendiri (OBS)

- Langkah 01** OBS menerima e-mel notifikasi setelah permohonan operator/majikan diluluskan.
- Langkah 02** OBS akan menerima bayaran yang pertama dalam tempoh 30 hari selepas membuat pengesahan.
- Langkah 03** Untuk menerima pembayaran bagi bulan kedua hingga keenam, OBS perlu mengisi Log Aktiviti Gig di sistem PenjanaKerjaya (**mulai bulan kedua**).
- Langkah 04** OBS menghantar permohonan secara bulanan melalui sistem PenjanaKerjaya [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) untuk menerima bayaran seterusnya.